

Abdullah mahu prosedur kelulusan projek dipermudah

Oleh HELMI MOHD. FOAD

PUTRAJAYA 11 Jan. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu prosedur kelulusan projek dikurangkan bagi menarik minat lebih banyak pelabur asing ke negara ini.

Perdana Menteri berkata, beliau bimbang kerehnan birokrasi yang 'merimaskan' akan menimbulkan persepsi bahawa kakitangan awam mengamalkan rasuah sedangkan tidak semua anggota sektor tersebut berbuat demikian.

"(Kelewatan) bukan kerana pegawai kerajaan cerewet, bukan semua begitu (cerewet) tetapi segala birokrasi yang sekian lama wujud menjadikan kita susah.

"Sedangkan kalau mengikut potensi untuk maju kita berada di tangga ketiga selepas China dan India, orang tahu tentang kelebihan kita.

"Namun yang merimaskan ialah bertambahnya undang-undang dan peraturan, jadi perlu dikurangkan dengan menggunakan kaedah yang telah ditetapkan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Keahlian Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Hadir sama ialah Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohamed Sidek Hassan dan pegawai-pegawai kanan agensi-agensi perkhidmatan awam seluruh negara.

Menurut Perdana Menteri, berdasarkan laporan Bank Dunia tahun lalu, Malaysia adalah negara yang mempunyai banyak peraturan bagi memperoleh kelulusan antaranya sembilan prosedur yang perlu diikuti bagi memulakan perniagaan dengan proses kelulusan dibuat dalam tempoh 30 hari.

Abdullah yang juga Menteri Kewangan berkata, prosedur tersebut jauh berbeza dengan negara-negara lain seperti Australia yang memerlukan dua prosedur dalam tempoh dua hari manakala Singapura mempunyai enam prosedur dengan kelulusan da-

lam masa enam hari.

Abdullah berkata, keperluan untuk mempercepatkan proses kelulusan perlu diambil perhatian memandangkan terdapat negara baru hendak membangun seperti Vietnam hanya memerlukan 14 prosedur atau langkah yang boleh diselesaikan dalam tempoh 133 hari bagi tujuan membina kilang.

Katanya, Australia pula memerlukan 17 langkah yang boleh diselesaikan dalam masa 140 hari; Singapura (11 langkah dalam tempoh 129 hari) manakala Thailand (sembilan langkah dalam masa 127 hari).

Sebaliknya, negara ini kata Abdullah, para pelabur perlu melalui 25 prosedur yang akan mengambil masa selama 280 hari untuk diselesaikan.

"Kalau begitu lari lah pelabur, bagaimana kita ingin bersaing, tambahan pula ada negara lain yang turut sama bersaing dengan kita.

"Kita nak bersaing dengan negara-negara lain, bukan lagi nak jadi jaguh kampung atau juara kebangsaan tetapi bersaing dalam liga antarabangsa," katanya.

Justeru tegasnya, Malaysia tidak mempunyai pilihan lain kecuali melakukan langkah untuk mengurangkan prosedur-prosedur yang sedia ada. Salah satu caranya ialah dengan menggunakan sistem automasi pejabat dan penyediaan borang serta pemeriksaan secara berkomputer.

Dalam pada itu, Abdullah berkata, kerajaan menubuhkan sebuah pasukan petugas khas bagi memperbaiki sistem penyampaian sektor awam ke arah meningkatkan daya saing negara.


Ia diketuai bersama oleh Ketua Setiausaha Negara dan seorang tokoh korporat yang belum dinamakan lagi, kata beliau.

Abdullah menyatakan, pasukan petugas khas itu antara lain berperanan mengatasi kelemahan yang wujud dalam sistem penyampaian sektor awam bagi membantu dan bukan menyusahkan aktiviti sektor swasta untuk meningkatkan daya saing negara.

um-12/1/2007

(Kelewatan) bukan kerana pegawai kerajaan cerewet, bukan semua begitu (cerewet) tetapi segala birokrasi yang sekian lama wujud menjadikan kita susah

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri



ABDULLAH Ahmad Badawi bergambar bersama-sama penyumbang daripada tokoh korporat selepas majlis penerimaan sumbangan sektor korporat kepada Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara di pejabatnya di Putrajaya, semalam.

- Gambar SAIFUL BAHARI ASHARI

Prosedur birokrasi yang menyukarkan pelabur					
Semasa mendirikan kilang			Semasa memulakan perniagaan		
Negara	Jumlah Prosedur	Tempoh Proses/Hari	Negara	Jumlah Prosedur	Tempoh Proses/Hari
Malaysia	25	281	Malaysia	9	30
Australia	17	140	Australia	2	2
Singapura	11	129	Singapura	6	6
Thailand	9	127			
Vietnam	14	133			

Sumber: Laporan Bank Dunia